Untuk berkongsi pengalaman dan juga memberi kefahaman kepada para pemimpin dan juga pendakwah di kalangan ilmuwan Islam serta pendokong agensi-agensinya di Selatan Thailand tentang kepentingan keharmonian dan keamanan.



DIALOG MDN BERSAMA TUN MAHATHIR MOHAMAD 5 APRIL 2017 - YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA PUTRAJAYA

Dialog MDN bersama Tun Mahathir Mohamad ini adalah anjuran Ahli Panel Perunding Perpaduan Ummah menerusi Kumpulan Kerja Dialog Pemimpin Politik. Ianya dihadiri oleh seramai 20 orang Ahli PPPU dan juga Ahli JK Induk MDN. Dialog berkisar agenda memperkukuhkan perpaduan ummah di kalangan umat Islam serta semua kaum di negara ini.

Objektif:

Untuk berbincang dan bermuzakarah dengan Tun Mahathir Mohamad tentang isu-isu semasa yang menyentuh persoalan perpaduan ummah di negara ini.



DIALOG MDN BERSAMA YAB PERDANA MENTERI

17 APRIL 2017 - HOTEL MARRIOT PUTRAJAYA

Dialog MDN bersama YAB Perdana Menteri ini adalah anjuran Ahli Panel Perunding Perpaduan Ummah menerusi Kumpulan Kerja Dialog Pemimpin Politik. Ianya dihadiri oleh seramai 35 orang Ahli PPPU dan juga Ahli JK Induk MDN. Dialog berkisar kepada peranan kerajaan khususnya di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri untuk memperkukuhkan perpaduan ummah di kalangan umat Islam serta semua bangsa di negara ini.

Objektif:

Untuk berbincang dan bermuzakarah dengan YAB Perdana Menteri tentang isu-isu semasa yang menyentuh persoalan perpaduan ummah di negara ini.



DIALOG MDN BERSAMA TUAN HAJI MOHAMAD SABU 20 APRIL 2017 – PEJABAT PARTI AMANAH NEGARA KUALA LUMPUR

Dialog MDN bersama Tuan Haji Mohamad Sabu ini adalah anjuran Ahli Panel Perunding Perpaduan Ummah menerusi Kumpulan Kerja Dialog Pemimpin Politik. Ianya dihadiri oleh seramai 20 orang Ahli PPPU dan juga Ahli JK Induk MDN. Dialog berkisar agenda perpaduan ummah bagi memperkukuhkan perpaduan ummah di kalangan umat Islam serta semua kaum di negara ini.

Objektif:

Untuk berbincang dan bermuzakarah dengan Tuan Haji Mohamad Sabu tentang isu-isu semasa yang menyentuh persoalan perpaduan ummah di negara ini.



NETWORKING CYBER DA'IE GEN Y

29 APRIL - DEWAN SERBAGUNA MASJID WILAYAH JLN DUTA, K.LUMPUR

Program ini adalah anjuran Dewan Dakwah MDN yang mana telah berjaya menghimpunkan selebriti-selebriti pendakwah cyber seperti Hafiz Hamidun, Syed Abdul Kadir al-Jofri, Dr Nik Roskiman, IKIM dan lain-lain selebriti ternama untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran dengan Gen Y bagaimana untuk membina rangkaian dakwah menerusi cyber dan media baru. Majlis telah dirasmikan oleh Dato' Hj Razali Shahabuddin, Pengerusi Dewan Dakwah MDN, yang juga merupakan Pengerusi Institut Profesional Baitulmal.

Objektif:

Untuk berkongsi pengalaman dan melatih Gen Y khasnya para mahasiswa tentang teknik untuk membina rangkaian dakwah di alam cyber.



PERHIMPUNAN DAKWAH DAN PERPADUAN UMMAH ZON UTARA

2 MEI 2017- Grand Alora Hotel, Alor Star, Kedah

Perhimpunan Dakwah dan Perpaduan Ummah Zon Utara ini adalah satu persidangan ummah yang menghimpunkan para ilmuwan dan juga pemimpin-pemimpin NGO Islam serta masyarakat di wilayah Utara Semenanjung iaitu Perlis, Kedah dan P.Pinang. Ianya dianjurkan oleh Suruhanjaya MDN Negeri Kedah dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kedah dan Puzat Zakat Kedah. Perhimpunan ini telah disempurnakan perasmianya oleh Menteri Besar Kedah YAB Dato' Seri Ahmad Bashah. Turut hadir ialah YDP YADIM dan juga Pengerusi MDN. Penyertaan 160 orang.

Objektif:

Menghimpunkan para ilmuwan, profesional dan juga pemimpin-pemimpin NGO Islam di Wilayah Utara bagi membincangkan kaedah berkesan untuk memperkukuhkan perpaduan ummah.



KEM MOTIVASI KEPIMPINAN MUDA TN 50 PPPU-MDN

5 - 7 Mei 2017- Yadim Training Centre, Hulu Langat

Kem Motivasi ini adalah anjuran Kelab Pementoran TN50 yang telah ditubuhkan oleh Panel Perunding Perpaduan Ummah (PPPU) untuk melatih dan mendekati golongan remaja dan belia di negara ini bagi menggerakkan kefahaman kesatuan dan Perpaduan Ummah di kalangan mereka. Program ini juga mendapat sokongan dan kerjasama daripada Yayasan Kepimpinan Ilmuwan Negara yang dipengerusikan oleh mantan MB Selangor, Dr Mohamad Khir bin Toyo.

Objektif:

Untuk melatih dan mencungkil bakat-bakat kepimpinan di kalangan remaja dan juga belia di peringkat universiti agar mereka dapat menjadi pemimpin masa depan yang meletakkan perpaduan ummah sebagai teras dan juga matlamat kepimpinan.



PPROGRAM OUTSTANDING MUSLIM DEBATOR

6 Mei 2017- Kampus UIAM Gombak

PROGRAM OUTSTANDING MUSLIM DEBATOR ini adalah Anjuran Dewan Siswazah MDN. Penyertaan adalah terdiri dari kalangan mahasiswa UIAM Gombak dengan Ahli Debator yang terlibat seramai 12 orang. Program ini dirasmikan oleh Prof Datuk Dr Mizan bin Hitam, Timbalan Rektor HEP UIAM, turut hadir Dr Muhammad Hakimi, Pengerusi Dewan Siswazah MDN .

Objektif:

Untuk melatih dan mencungkil bakat-bakat pemedato dan pembahas di kalangan mahasiswa di dalam bahasa Inggeris.



SEMINAR PELAKSANAAN AMALAN PEMBELAJARAN ABAD 21

6 Mei 2017- Balai Islam Lundang, Kota Bharu

Seminar ini adalah anjuran Suruhanjaya MDN Negeri Kelantan dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Negeri Kelantan dan MQA. Penyertaan adalah terdiri daripada Guru-Guru dan juga Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Negeri Kelantan yang jumlah kehadiran melebihi 200 orang. Seminar ini turut dihadiri oleh CEO MQA sebagai salah seorang pembentang dan Prof Madya Dr Shamrahayu Abd Aziz. Turut hadir Pesuruhjaya MDN Negeri Kelantan Dato' Abdul Halim bin Hamad.

Objektif:

Untuk memberi maklumat dan juga memperjelaskan kepada para pendidik tentang amalan pembelajaran di masa hadapan yang memerlukan kepada pendekatan semasa dan juga ilmu-ilmu teknologi pendidikan yang terkini sesuai dengan peredaran semasa.



RAKAMAN TAZKIRAH MALAM JUMAAT MDN-ASTRO OASIS

11 Mei 2017- Perkarangan Masjid Al-Hasanah, Bandar Baru Bangi

Program ini berbentuk Rakaman Forum yang dinamakan Tazkirah Malam Jumaat iaitu satu rancangan TV di Astro Oasis yang disiarkan pada setiap malam Jumaat. MDN menaja dua slot rakaman untuk disiarkan pada hari Raya Idul Fitri dan satu slot lagi untuk disiarkan sempena hari Malaysia 16 September 2017. Rakaman ini dihadiri oleh lebih 500 orang penonton yang membanjiri dataran masjid al-hasanah sempena Karnival Masjid dan Surau Bandar Baru Bangi pada 11-14 Mei 2017

Objektif:

Untuk memberi menyebarkan kepentingan budaya maaf bermaafan dan juga kesediaan untuk berpakat dalam perkara-perkara yang kita tidak sependapat.



WACANA KEHARMONIAN ISLAM DI NUSANTARA

13 MEI 2017 – HOTEL TABUNG HAJI, KOTA KINABALU

Program ini anjuran Majlis Dakwah Negara dan YADIM Zon Sabah dengan kerjasama Majlis Ugama Islam Sabah, Jab. Hal Ehwal Agama Islam Sabah, Pejabat Mufti Sabah, Kerukunan Ulama Nusantara (KUN) dan Masjid Bandaraya Kota Kinabalu. Ianya menghimpunkan Badan-Badan NGO Islam di Negeri Sabah dan juga pertubuhan-pertubuhan Islam dari Indonesia, Singapura dan Brunei. Majlis ini dihadiri oleh YDP USIA Negeri Sabah Tun Sakaran Dandai. Majlis juga turut dihadiri oleh YDP YADIM, Dr Yusri Mohamad. Program ini dihadiri oleh seramai 250 orang peserta.



DISKUSI PERDANA RASUAH: TANGISAN SEBUAH KELUARGA

18 MEI 2017 – MASJID BANDAR SERI PUTRA, BANGI

Program ini anjuran Dewan Agamawan MDN dengan kerjasama Masjid Bandar Seri Putra, Bangi. Panel Diskusi ialah Dato' Sri Zakaria Jaffar, Mantan Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM dan Moderator ialah Dato' Ismail Noor. Diskusi ini lebih kepada pendekatan menceritakan pengalaman SPRM dalam kes-kes rasuah di negara ini yang mengakibatkan kesengsaraan kepada keluarga yang terlibat dengan rasuah.

Objektif:

Untuk memberi kesedaran dan juga keinsafan kepada masyarakat umum tentang akibat dan juga bahaya rasuah kepada keluarga dan juga negara.



PROGRAM COMPARATIVE RELIGION SEMINAR: UNDERSTANDING NON-MUSLIM'S PERSPECTIVE TOWARDS ISLAM – Kelab Pementoran PPPU MDN

11 JUN 2017 – Hotel Putyra, K.Lumpur

Program ini anjuran Kelab Pementoran TN50 PPPU-MDN, Hotel Putra K.Lumpur, 11 Jun 2017 (Ahad). Seramai 60 orang peserta dari kalangan belia dan juga pemimpin mahasiswa IPTA/IPTS yang menjadi Ahli Kelab Pementoran PPPU MDN telah hadir. Program ini dikendalikan oleh Dato' Dr Mohd Fadhilah Kamsah dan juga Sdr Firdaus Wong

Objektif:

Untuk memberi kefahaman kepada golongan belia tentang pendekatan dakwah kepada rakan-rakan non-muslim agar generasi muda non muslim masa kini hormat kepada umat Islam.



PROGRAM IFTAR BERSAMA RUMAH BAKTI AL-KAUSAR DEWAN SISWA MDN 17 JUN 2017 – Rumah Bakti Al-Kausar, Bandar Baru Bangi

Program Iftar ini adalah program anjuran Dewan Siswa MDN yang melibatkan seramai 20 orang Sukarelawan Siswa bersama anak-anak yatim di Rumah Bakti Al-Kausar, B.B.Bangi. Majlis turut menyampaikan sumbangan sebanyak RM 1000 kepada pentadbir Rumah Bakti untuk anak-anak yatim.

Objektif:

Untuk menggalakkan golongan mahasiswa supaya prihatin dan melakukan kerja-kerja amal di bulan Ramadan khasnya kepada golongan yang tidak bernasib baik seperti anak-anak yatim.



PROGRAM JEMAAH SUBUH PERDANA DEWAN MASJID MDN 17-18 JUN 2017 – Masjid Abdullah Hukum, Bangsar, K.Lumpur

Program ini bermula dengan Tazkirah Ramadan dan juga Majlis Iftar . Seterusnya dengan Solat Maghrib, Solat Isyak dan terus ke Program Subuh Perdana. Peserta terdiri dari kalangan Pelajar Institut Profesional Baitulmal dan juga ahli Qariah Kampung Abdullah Hukum, Bangsar. Kehadiran peserta dan jemaah sekitar 150 orang.

Objektif:

Untuk menggalakkan golongan muda dan juga masyarakat sekitar masjid agar bersolat Subuh Berjamaah di Masjid untuk membina kekuatan kerohanian dan juga semangat juang tinggi dalam mengimarahkan masjid.



KUNJUNG MENGHADAP KEBAWAH DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK

3 JULAI 2017 – di Istana Sultan Perak Bukit Persekutuan, Kuala Lumpur

Kunjung Menghadap ini di Ketuai oleh Tan Sri Abd Aziz Abd Rahman, Pengerusi Panel PPPU MDN beserta Ahli JK Induk Konvensyen Memperkukuh Pasak Negara. Turut hadir ialah YDP YADIM dan juga Pengerusi MDN, Prof. Emeritus Dato' Dr Mahmood Zuhdi Ab Majid.

Objektif:

Untuk Sembah maklum kebawah DYMM Paduka Seri Sultan Perak tentang penganjuran Konvensyen Memperkukuh Pasak Negara anjuran PPPU yang akan diadakan pada 5-6 Ogos 2017, di samping menyampaikan warkah jemputan kpd Tuanku untuk berangkat hadir menyampaikan Titah Diraja di konvensyen berkenaan.



MAJLIS PELANCARAN PANEL CENDEKIAWAN ULUNG MDN 13 JULAI 2017 – Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya

Majlis Pelancaran Panel Cendekiawan Ulung MDN ini disempurnakan oleh YB Mej Jen Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B), Menteri di JPM dan seterusnya menyampaikan Watikah Pelantikan kepada 22 orang Ahli Panel yang telah dilantik oleh MDN. Kehadiran jemputan seramai 250 orang dan majlis turut diserikan dengan Forum Khas Perpaduan Ummah.

Objektif:

Objektif penubuhan Panel ini adalah untuk memberi nasihat dan juga khidmat kepakaran kepada MDN dan juga kepada kerajaan dalam mengutarakan beberapa isu semasa dalam masyarakat dan negara.



PROGRAM BACAAN AL-QURAN 30 JUZUK BERSAMA PELAJAR TAHFIZ 19 JULAI 2017 – Surau Al-Karamiah, Taman Koperasi Polis Fasa 2, K.Lumpur

Program ini anjuran Dewan Masjid MDN untuk mengimarahkan masjid-masjid dan surau dengan aktiviti Tilawah Al-Quran. Ianya dianjurkan dengan kerjasama Pondok Moden Al-Munir dengan penglibatan seramai 60 orang pelajar tahfiz yang berpusat di Surau Al-Karamiah ini.

Pengerusi Dewan Masjid Tan Sri Samshuri Arshad telah hadir merasmikan dan memberi Ucapan di majlis ini.

Objektif:

Untuk memberi galakan kepada masyarakat setempat agar mendampingi golongan pelajar tahfiz ini dalam program-program Masjid dan Surau.



PROGRAM BUAL BICARA PERPADUAN UMMAH DI RADIO IKIM.FM

Program Setiap Bulan MDN Bersama Radio IKIM

Program ini anjuran Panel Perunding Perpaduan Ummah MDN dengan kerjasama IKIM. Rancangan Bual Bicara ini adalah satu program khas MDN-IKIM iaitu temu bual yang disiarkan secara langsung selama 30 minit di Radio Ikim.fm. Ianya dijadualkan setiap bulan pada minggu pertama hari Isnin mulai Mac 2017 hingga Sep 2017.

Objektif:

Untuk memberi kefahaman dan juga penerangan kepada masyarakat umum menerusi media elektronik yang sasarannya melebihi 1 juta pendengar tentang kepentingan kesatuan dan perpaduan ummah kepada negara dan bangsa di Malaysia.



PROGRAM MUDIK KE HULU BORNEO(SARAWAK)

22-24 Julai 2017: Program Dakwah NBOS JAKIM bersama MDN di Miri, Sarawak

Program ini anjuran BHg Dakwah JAKIM dengan kerjasama Dewan Dakwah MDN selaku rakan strategic JAKIM menerusi konsep “New Blue Ocean Strategik” (NBOS).

Objektif:

Untuk menggerakkan semua agensi agama dan dakwah dalam satu gerak kerja bersepadu untuk turun ke lapangan dakwah menerusi aktiviti kebajikan dan lawatan ukhuwah ke kawasan pedalaman Negeri Sarawak.

Program ini turut dihadiri oleh Datuk Razali Shahabudin, Pengerusi Dewan Dakwah MDN bagi mewakili pimpinan MDN Pusat dan En Awang Dzulhadi, Pengarah Yadim Zon Sarawak



KONVENSYEN KEPIMPINAN MASYARAKAT ISLAM NEGERI JOHOR

27 JULAI 2017: Program Dakwah NBOS JAKIM bersama Majlis Dakwah Negara

Program ini anjuran JAKIM dan Jabatan Agama Islam Johor serta beberapa agensi agama dan badan dakwah di Negeri Johor. Dewan Dakwah MDN telah terlibat sama sebagai rakan strategic JAKIM menerusi konsep NBOS bagi menjayakan Konvensyen Kepimpinan Masyarakat Islam Johor 2017 ini.

Objektif:

Menghimpunkan pemimpin masyarakat Islam di Johor dalam usaha untuk menggembelingkan tenaga secara kolektif untuk memperkukuhkan kefahaman masyarakat Islam tentang 'Aqidah Ahlus Sunnah Wal Jamaah.



FORUM PERPADUAN UMMAH: BERPAKAT WALAU TIDAK SEPENDAPAT

29 JULAI 2017: Masjid As-Shafie, Taman Maluri K.Lumpur

Program ini anjuran bersama Dewan Masjid MDN, Masjid As-Shafie, Institut Profesional Baitulmal MAIWP dan Alumni Lepas Pengajian Islam Universiti Malaya serta MAIWP

Objektif:

Untuk memberi kefahaman dan juga penerangan mengenai kepentingan menjaga perpaduan ummah dan mengurus perbezaan pendapat bagi mewujudkan kekuatan umat Islam.

Ahli Panel : Prof. Emeritus Datuk Dr Mahmood Zuhdi, Prof Madya Dr Mohamed Azam Mohamed Adil dan Dr Shamsiah Mohamad. Moderator Prof Dr Jamil Hashim.



SIARAN LANGSUNG RUANG BICARA DI BERNAMA TV

1 OGOS 2017: Studio BERNAMA TV Jln Tun Razak, KL

Slot Ruang Bicara di Bernama TV ini adalah rancangan khas yang disiarkan secara langsung di Bernama Network Cannel (BNC) atas anjuran Panel Perunding Perpaduan Ummah MDN. Bual Bicara ini mengenai Program Konvensyen Memperkukuh Pasak Negara anjuran PPPU MDN yang akan diadakan pada 5 dan 6 Ogos 2017 yang disempurnakan Titah Diraja oleh DYMM Sultan Nazrin.

Panelis:

Tan Sri Dato' Seri DR Wan Mohd Zahid Mohd Noordin, Pengarah Konvensyen dan DR Mohd Fauzi Shaffie. Dihoskan oleh Dato' Dahlan Maamor.



KONVENSYEN MEMPERKUKUH PASAK NEGARA: KE ARAH WASIAT LEBIH TERSURAT

5-6 OGOS 2017: Hotel Marriot Putrajaya

Program ini anjuran Panel Perunding Perpaduan Ummah MDN iaitu sebuah panel yang telah ditubuhkan oleh MDN bagi tujuan memperkukuhkan perpaduan ummah di Malaysia. Seramai 600 orang peserta hadir.

Objektif:

Untuk memberi kefahaman dan juga penjelasan kepada kepimpinan utama negara khasnya golongan menengah tentang kepentingan memperkukuhkan institusi beraja di Malaysia.

Konvensyen ini telah disempurnakan perasmiannya dengan Titah Diraja oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin di Hotel Marriot Putrajaya.



Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ketika bertitah di Majlis Konvensyen Memperkukuh Pasak Negara di Putrajaya.



KUNJUNG MENGHADAP PIMPINAN MDN-KDYMM PEMANGKU RAJA PAHANG 8 OGOS 2017: Royale Chulan Hotel, Kuala Lumpur

Kunjung Menghadap dibawah DYMM Pemangku Raja Pahang Tengku Abdullah Tengku Mahkota Pahang ini telah diketuai oleh Prof. E. Dato' Dr Mahmood Zuhdi Ab Majid, Pengerusi MDN. Turut hadir adalah Dr YusriMohamad YDP Yadim, Tan Sri Dr Abd Aziz Abd Rahman, Pengerusi PPPU MDN dan beberapa pimpinan PPPU.

Tujuan:

Kunjung Menghadap ini adalah untuk mohon perkenan KDYMM Tuanku mengenai Multaqa Ilmuwan Profesioanl Pahang pada 19 Ogos 2017, menyebarkan maklumat Resolusi Konvensyen Pasak Negara 5-6 Ogos serta cadangan MDN untuk menubuhkan Pondok Perdana di Negeri Pahang.



FORUM ANAK TAK SAH TARAF- DEWAN PENDIDIKAN MDN

11 OGOS 2017: Hotel Bangi-Putrajaya

Program ini anjuran Panel Perunding Perpaduan Ummah MDN dengan kerjasama IKIM. Rancangan Bual Bicara ini adalah satu program khas MDN-IKIM iaitu temu bual yang disiarkan secara langsung selama 30 minit di Radio Ikim.fm. Ianya dijadualkan setiap bulan pada minggu pertama hari Isnin mulai Mac 2017 hingga Sep 2017.

Objektif:

Untuk memberi kefahaman dan juga penerangan kepada masyarakat umum menerusi media elektronik yang sasarannya melebihi 1 juta pendengar tentang kepentingan kesatuan dan perpaduan ummah kepada negara dan bangsa di Malaysia.



LATIHAN ADVOKASI AKTIVIS WANITA MDN

12 OGOS 2017: Hotel Putra K.Lumpur (MAIWP)

Program ini anjuran Dewan Wanita-Majlis Dakwah Negara. Program ini telah dirasmikan oleh Dato' Kamilia Ibrahim, Pengerusi Dewan Wanita MDN. Penyertaan seramai 30 orang terdiri daripada kalangan pimpinan Dewan Wanita MDN serta aktivis NGO Wanita.

Objektif:

Untuk memberi kefahaman dan juga kemahiran kepada pimpinan wanita Islam mengenai advokasi dalam isu-isu hak wanita diperingkat antarabangsa. Ianya juga bertujuan untuk mewujudkan kumpulan iaitu 'Task Force' Advokasi Wanita MDN untuk menangani isu-isu semasa wanita antarabangsa



KURSUS PENULISAN SKRIP DRAMA ISLAMI DAN DAKWAH

12-13 OGOS 2017: Yadim Training Centre, Hulu Langat

Kursus ini adalah anjuran Kumpulan Kerja Kesenian dan Kebudayaan, Dewan Sosio-Budaya-Majlis Dakwah Negara. Latihan dalam kursus ini dipimpin oleh Dr Rosninawati bt Husin, Ketua Program Komunikasi Media baru, USIM dan HJ Mohd Ghazali Abdullah, Ahli Lembaga Penapisan Filem, Kementerian Dalam Negeri. Seramai 25 orang peserta hadir

Objektif:

Untuk melatih dan melahirkan penulis-penulis skrip drama yang Islami dan membawa mesej dakwah agar kumpulan penulis ini dapat menyediakan skrip yang bermutu dan diterima oleh producer-producer filem untuk difilemkan.



FORUM PERPADUAN UMMAH : PERPAKAT WALAU TAK SEPENDAPAT

18 OGOS 2017: Masjid Sultan Hj Ahmad Shah, Sg Isap, Kuantan

Program ini anjuran bersama Dewan Masjid MDN, Masjid Sultan HJ Ahmad Shah, Sg Isap-Kuantan dan Yayasan Ummah Prihatin Pahang. Seramai lebih 300 Jemaah masjid sekitar taman berkenaan diangalkan hadir.

Objektif:

Untuk memberi kefahaman dan juga penerangan mengenai kepentingan menjaga perpaduan ummah dan mengurus perbezaan pendapat bagi mewujudkan kekuatan umat Islam.

Ahli Panel : Prof. Emeritus Datuk Dr Mahmood Zuhdi (Pengerusi MDN) dan Prof Dr Badlihisham Mohd Nasir (UTM Skudai. Moderator Ust Zunaidin bin Ibrahim- UIAM.



MULTAQA ILMUWAN DAN PROFESIONAL PAHANG

19 OGOS 2017: Hotel Grand Darulmakmur, Kuantan

Program ini anjuran bersama MDN, Majlis Ugama Islam Pahang, Yayasan Pahang, UiTM Pahang dan Kolej Universiti Sultan HJ Ahmad Shah Pahang (KUIPSAS). Multaqa ini telah disempurnakan perasmian dan Titah DiRaja oleh KDYMM Pemangku Raja Pahang. Seramai lebih 250 orang peserta hadir. Turut hadir YAB Menteri Besar serta beberapa Exco Kerajaan Negeri Pahang.

Objektif:

Untuk menghimpunkan para ilmuwan dan profesional anak negeri Pahang bagi membincangkan isu-isu ekonomi, pendidikan dan sosio-budaya agar mereka memainkan peranan penting bagi membantu pembangunan ummah di negeri Pahang.



KUNJUNG HORMAT PIMPINAN MDN- YAB KETUA MENTERI MELAKA

30 OGOS 2017: Pejabat YAB Ketua Menteri, Melaka

Kunjung Hormat pimpinan MDN ke atas YAB Ketua Menteri Melaka ini diadakan bagi memaklumkan tentang peranan MDN serta hasrat MDN untuk menubuhkan MDN Negeri Melaka. Di samping itu pertemuan ini adalah untuk memohon sokongan dan juga bantuan YAB Ketua Menteri Melaka selaku Pengerusi Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) tentang cadangan MDN untuk bekerjasama dengan MAIM menganjurkan Multaqa Dakwah dan Pembangunan Ummah Negeri Melaka. Kunjungan hormat ini dipimpin oleh Prof Dato' Zakaria Stapa, Timbalan Pengerusi MDN.



BICARA SANTAI; KENDURI KAMPUNG SEMPERNA IDUL ADHA

2 SEP 2017: Flat Sri Pahang, Bangsar, Kuala Lumpur

Program ini anjuran Dewan Dakwah-Majlis Dakwah Negara bagi menyantuni anak-anak muda dan penduduk di PPR Bandaraya di Bangsar. Ianya berbentuk program kenduri rakyat pada sebelah siang dan diserikan lagi dengan majlis Bicara Santai / Makan Malam dengan mengundang beberapa tokoh selebriti TV seperti datuk Jalaluddin Hasan dan Ustazah Isfadhiah Dasuki untuk berbual bicara mengenai kepentingan muafakat dalam keluarga dan masyarakat. Dihadiri seramai lebih 400 orang. Turut hadir YBhg Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin, Bekas Menteri Wilayah Persekutuan dan Datuk Razali Shahabudin, Pengerusi Dewan Dakwah MDN



MESYUARAT KHAS PENUBUHAN MDN NEGERI PAHANG

15 SEP 2017: Hotel Grand Darulmakmur, Kuantan

Mesyuarat Khas Penubuhan MDN Pahang ini diadakan lanjutan daripada Multaqa Ilmuwan dan Profesional Pahang yang telah diadakan pada 19 Ogos yang mana dalam resolusi multaqa ini telah dipersetujui untuk menubuhkan MDN Negeri Pahang.

Mesyuarat di pengurusikan oleh Prof. E. Datuk DR Mahmood Zuhdi, Pengerusi MDN yang mana telah mengumumkan pemilihan Prof. Dato' Dr Muhamad Muda dari UIM sebagai Pesuruhjaya MDN Pahang dan Dato' DR Zulkifli Ali, Pengarah Maahad Tahfiz Negeri Pahang sebagai Timbalan Pesuruhjaya bagi memimpin MDN Pahang.



KUNJUNG MENGHADAP PIMPINAN MDN - KDYMM SULTAN TERENGGANU

22 SEP 2017: Istana Terengganu, Kuala Lumpur

Kunjung Menghadap ini diadakan bagi menyembah maklum kepada KDYMM Sultan Terengganu mengenai Resolusi Memperkukuh Institusi Beraja dan cadangan untuk anjurkan Konvensyen Memperkukuh Institusi Beraja di Terengganu. Disamping itu ianya juga bertujuan menyatakan hasrat MDN untuk menubuhkan Pondok Perdana Darul Iman di Terengganu.

Kunjungan ini dipimpin oleh Pengerusi MDN. Turut hadir ialah Tan Sri DR Abdul Rahman Arshad, Tan Sri Dr Wan Mohd Zahid Mohd Nordin dan Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor.



BICARA JENAYAH : ISU DAN PERANAN MASYARAKAT

23 SEP 2017: Dewan SMK Badak, Bachok, Kelantan

Program ini anjuran Dewan Sosio-Budaya MDN Kelantan dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Bachok dan IPD Bachok. Turut hadir dalam program ini adalah Pegawai Jajahan Bachok, Pengerusi MDN Kelantan dan Dato' A.Aziz Deraman, Pengerusi Dewan Sosio Budaya MDN Kelantan. Program dirasmikan oleh Dr Muhamad Razak Idris, SU Agung MDN. Kehadiran peserta lebih 200 orang.

Objektif:

Untuk memberi penerangan kepada masyarakat khususnya ibu bapa tentang permasalahan jenayah serta peranan yang perlu dimainkan oleh masyarakat bagi membendung gejala ini menular.



KUNJUNG HORMAT PIMPINAN MDN PAHANG – PIMPINAN MUIP

25 SEP 2017: Pejabat Puzat Kutipan Zakat Pahang, Kuantan

Kunjung hormat kepada Dato' Sri Wan Abdul Wahid Wan Hasan, Timbalan Pengerusi MUIP ini diadakan lanjutan daripada penubuhan JK MDN Pahang yang telah diadakan pada 15 September 2017. Ianya sebagai pemakluman kepada Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) tentang barisan kepimpinan MDN Pahang yang baru dilantik.

Delagasi MDN diketuai oleh Kapten Shamsuddin Moner, Pengarah MDN, Dato' Dr Zulkifli Ali, Tim Pesuruhjaya MDN Pahang, Prof dato' Dr Ariff Osman, Penolong Pesuruhjaya MDN Pahang dan beberapa orang pimpinan MDN Pahang yang baru dilantik.



MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK MDN KALI KE-37

3 OKT 2017: Bilik Mesyuarat Yadim, Kompleks Islam Putrajaya

Mesyuarat Dwi Bulanan JK Induk MDN ini diadakan bagi melaporkan aktiviti MDN seluruh negara dan juga membincangkan perkara-perkara yang perlu diambil tindakan oleh pimpinan MDN semua peringkat bagi menggerakkan keberkesanan aktiviti MDN dari semasa ke semasa. Mesyuarat dipengerusikan oleh Prof. E. Datuk Dr Mahmood Zuhdi Ab Majid.

Mesyuarat ini juga telah mengundang wakil JAWI iaitu Ustazah Maizura Shamsuddin untuk membuat pembentangan tentang program-program Saudara Baru di Wilayah Persekutuan KL untuk di ambil maklum dan juga perhatian oleh pimpinan MDN, khasnya oleh Dewan Cheng HO (Cina Muslim)



PERBINCANGAN KHAS PRE COUNCIL MAJLIS RAJA-RAJA

4 OKT 2017: Bilik Mesyuarat Yadim, Kompleks Islam Putrajaya

Satu Perbincangan Khas oleh Jawatankuasa Bertindak PPPU telah diadakan bagi memperhalusi resolusi dan juga cadangan-cadangan konkrit yang hendak dibentangkan oleh PPPU dalam Pre Council Majlis Raja-Raja pada 10 Oktober 2017.

Perbincangan Khas ini diadakan ekoran daripada jemputan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja yang memaklumkan perkenan DYMM SPB Yang Dipertuan Agung untuk PPPU-MDN membentangkan Resolusi Konvensyen Memperkukuh Pasak Negara yang telah diadakan pada 5-6 Ogos 2017 untuk diambil maklum dan perhatian oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja



PERBINCANGAN KHAS MDN-TENGGU TEMENGGUNG KELANTAN

9 OKT 2017: Hotel Seri Pacifik, Kuala Lumpur

Pertemuan dan Perbincangan Khas ini diatitkan oleh Pesuruhjaya MDN Kelantan agar Pengerusi MDN dapat menyembah maklum kepada Tengku Temenggung Kelantan mengenai penubuhan MDN dan juga program-program MDN di Kelantan. Pengerusi MDN juga telah memaklumkan tentang hasrat MDN untuk menubuhkan Pondok Perdana di Kelantan serta menyatakan hasrat kepada Tengku Temenggung mengenai hasrat MDN untuk mengadakan kunjung menghadap kepada DYMM Pemangku Sultan Kelantan. Turut hadir dalam pertemuan ini Dr Yusri Mohamad, YDP Yadim dan Tan Sri Dr Zulkurnain Awang, Pengerusi JK Pemandu Pondok Perdana Darul Naim




PEMBENTANGAN RESOLUSI KONVENSYEN PASAK NEGARA DALAM PRE COUNCIL MESYUARAT MAJLIS RAJA-RAJA

10 OKT 2017: Istana Negara, Kuala Lumpur

Tiga orang pemimpin tertinggi Panel Perunding Perpaduan Ummah (PPPU)-MDN iaitu Tan Sri Dr Abdul Aziz Abd Rahman, Tan Sri Dr Abdul Rahman Arshad dan Tan Sri Dr Wan Mohd Zahid Mohd Noordin telah diberi mandate oleh MDN untuk membentangkan Resolusi Pasak Negara dalam Mesyuarat Pre Council Majlis Raja-Raja di Istana Negara yang dipengerusikan oleh DYMM Sultan Selangor.

Alhamdulillah, Resolusi Pasak Negara mengenai memperkukuhkan Institusi Beraja di Malaysia telah Berjaya dibentang dan disebarkan maklum kepada DYMM Raja-Raja Melayu dengan jayanya serta diambil maklum oleh DYMM Raja-Raja dengan amat positif



MESYUARAT KHAS PENUBUHAN MDN P.PINANG

13 OKT 2017: Hotel Seri Malaysia, Kepala Batas, P.Pinang

Mesyuarat Penubuhan MDN P.Pinang dan pemilihan JK Induk MDN Negeri. Mesyuarat di pengerusikan oleh Kapten Shamsuddin Moner, Pengarah MDN. Turut hadir Ust Abd Mohd Rahimin Sihat, sekutif MDN Pusat. Mesyuarat telah mengumumkan perlantikan Dr Mohd Syakir Mohd Rosli dari USM P.Pinang sebagai Pesuruhjaya MDN P.Pinang. Mesyuarat juga telah bersetuju menubuhkan dewan-dewan di MDN Negeri iaitu Dewan Ekonomi, Dewan Sosio-Budaya, Dewan Pendidikan dan Dewan Wanita.



LAWATAN MAHABBAH MDN KELANTAN KE PATTANI, THAILAND

16-17 OKT 2017: Pattani, Thailand

Program ini anjuran MDN Negeri Kelantan bagi mengadakan kerjasama dan juga mengeratkan persahabatan MDN Kelantan dengan Majlis Agama Islam Wilayah Pattani, Thailand. Deligasi MDN Kelantan diketuai oleh Dato' Abdul Halim Hamad dan turut disertai oleh Dato' A.Aziz Deraman. MDN Kelantan telah diberi taklimat oleh YDP majlis Islam Patatani mengenai perkembangan dakwah Islamiah di Selatan Thailand khasnya di Pattani dan juga mengenai pembangunan institusi-institusi pengajian pondok tradisional di sana yang masih wujud untuk pembangunan agama Islam di kalangan masyarakat muslim Thailand.



MUSYAWARAH EKSEKUTIF DAN DIALOG PEMBANGUNAN UMMAH

31 OKT 2017: Hotel Dorsett Putrajaya

Program ini adalah anjuran Panel Syura Ulama Umara-MDN yang dipengerusikan oleh Dato' Wan Mohamad Dato' Sheikh Abd Aziz. Musyawarah Eksekutif dan Dialog Pembangunan Ummah adalah suatu dialog antara agensi-agensi agama dibawah YB Menteri di JPM dengan pertubuhan-pertubuhan dakwah dan NGO Islam yang berpengaruh di peringkat kebangsaan. Antara NGO yang dipilih dalam dialog ini ialah ABIM, Wadah, IKRAM, ISMA, Persatuan Ulama Malaysia, Perkim, Alumni Al-Azhar Msia, GPMS, Persatuan Peguam2 Muslim Malaysia dan Persatuan Peguam Syar'ie Malaysia. Turut hadir Datuk Zainal Abidin Jaffar, TKP Jakim dan Pengerusi MDN



DISKUSI KHAS PANEL CENDEKIAWAN ULUNG MDN

2 NOV 2017: Bilik Mesyuarat Yadim, Kompleks Islam Putrajaya

Diskusi Khas ini adalah merupakan suatu siri perbincangan ilmiah oleh Ahli-Ahli Panel Cendekiawan Ulung MDN (PCU) . Untuk siri pertama ini Prof dato' zakaria Stapa selaku Pengerusi PCU telah mengambil peranan membentangkan tajuk mengenai isu perpecahan ummah di Malaysia.

Diskusi ini akan diadakan setiap dua bulan sekali dengan pelbagai isu yang berbeza daripada tokoh-tokoh ilmuwan Malaysia untuk diambil perhatian serius dan juga satu pendekatan yang akan diterjemahkan dalam pelan tindakan susulan untuk dikemukakan oleh PCU kepada pihak-pihak yang berkenaan.



MULTAQA FUQAHA' KEBANGSAAN

16 NOV 2017: Hotel Bangi-Putrajaya

Muklataq Fuqaha ini adalah anjuran bersama Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor- Majlis Dakwah Negara- Universiti Selangor. Terdapat 3 Kertas pembentangan utama yang telah dibentangkan oleh tokoh-tokoh ilmuwan negara iaitu oleh Prof Adjung Datuk Dr Siddiq Fadhil, Prof. Emeritus Datuk Dr Mahmood Zuhdi Ab Majid dan SS Datuk Dr Zulkifli Al-Bakri, Mufti WP. Multaqa ini bertemakan “ Mengurus Perbezaan Pendapat”. Seramai 160 peserta hadir.

Multaqa Fuqaha ini akan dijadikan sebagai program tahunan bersama antara KUIS-MDN-Unisel. Ianya diurusetikan oleh Dewan Pendidikan MDN dibawah pimpinan Prof. Dato' Dr Noor Inayah Yaakub.



KURSUS PENGARAHAN LAKONAN FILEM PENDEK ISLAMI DAN DAKWAH

18-19 NOV 2017: Yadim Training Centre, Hulu Langat, Selangor

Kursus ini merupakan yang julung-julung kali diadakan yang mana ianya bertujuan untuk melahirkan pengarah-pengarah filem pendek yang berunsurkan islami dan dakwah. Ianya dianjurkan oleh KK Kesenian dan Kebudayaan Dewan Sosi0-Budaya MDN. Seramai 20 orang bakat tenaga muda yang berminat dalam pengarah filem ini telah dipilih menyertainya yang dikendalikan oleh Hj Mohd Ghazali Abdullah, Ahli Lembaga Penapisan Filem KDN. Turut menyampaikan ceramah dalam kursus ini ialah Hj Mohd Shauki Abd Majid, Yadim. Datuk Zainal Abidin Ab Kadir, bekas Ketua Pengarah Pusat Islam Malaysia (Jakim) turut dijemput hadir di majlis penutup kursus.



SEMINAR INOVASI GURU-GURU AGAMA NEGERI TERENGGANU

21 NOV 2017: Universiti Malaysia Terengganu

Seminar ini anjuran bersama Dewan Pendidikan Majlis Dakwah Negara (MDN)-Terengganu dan Universiti Malaysia Terengganu. Majlis dirasmikan oleh YDP Dewan Undangan Negeri Terengganu/ Bekas Pengarah Pelajaran Negeri, YB Datuk Mohd Zuber Embong. Turut hadir Naib Canselor UMT dan Pesuruhjaya MDN Terengganu, Dato' Ismail Ali. Peserta adalah dari kalangan guru-guru agama sekolah rendah di Terengganu. Pengerusi MDN turut dijemput membentangkan Kertas Utama dalam seminar ini. Ianya bertujuan untuk memberikan penerangan mengenai metod dan juga pendekatan terbaru kepada guru-guru agama tentang pengajaran berkesan kepada murid-murid sekolah rendah.



KUNJUNGAN MAHABBAH PIMPINAN MDN –PIMPINAN ISMA

22 NOV 2017: Ibu Pejabat ISMA, Bandar Baru Bangi, Selangor

Kunjungan mahabbah ini adalah bertujuan untuk mendekatkan MDN dan juga usaha MDN untuk menggerakkan kesatuan ummah dan juga perpaduan di kalangan NGO-NGO Islam yang utama di Malaysia. ISMA iaitu Ikatan Muslimin Malaysia adalah salah sebuah NGO berbentuk gerakan dakwah yang berpengaruh dan juga memiliki kekuatan keahlian di seluruh negara bagi menggerakkan agenda perpaduan ummah bersama-sama MDN dan juga rakan-rakan lain dalam pimpinan NGO Islam. Pengerusi MDN dan Presiden ISMA telah bertukar-tukar pandangan dan juga pengalaman dalam rangka usaha gerakan dakwah untuk membentuk kesepaduan dan permuafakatan ummah ini di Malaysia.



DISKUSI USRATI: HAK DIBELA KELUARGA SEJAHTERA

29 NOV 2017: Dataran Kompleks Islam Melaka, Bukit Palah, Melaka

Program ini anjuran bersama Majlis Dakwah Negara- Majlis Agama Islam Melaka- Jabatan Mufti Negeri Melaka. Diskusi Usrati ini adalah satu forum santai dan bual bicara mengenai hak-hak isteri dan juga bekas isteri yang ditinggalkan suami untuk memberi kesedaran betapa pentingnya pengetahuan mengenai hak-hak yang mesti dibela bagi menjamin kesejahteraan keluarga. Majlis dirasmikan oleh Datuk Yaakub Md Amin, Tim. Pengerusi MAIM. Seramai 500 orang peserta hadir

Panelis:

Dato' Dr Mohd Fadzilah Kamsah, Yang Arif dato' Abdul Waalid Abu Hasan, JKSM dan Ustazah Isfadhiah Dasuki.



MULTAQA DAKWAH DAN PEMBANGUNAN UMMAH NEGERI MELAKA

3 DIS 2017: Hotel MITC, Ayer Keroh, Melaka

Program ini anjuran bersama Majlis Dakwah Negara-Majlis Agama Islam Melaka-Jabatan Mufti Negeri Melaka sempena dengan penubuhan rasmi Majlis Dakwah Negara Negeri Melaka. Datuk Yaakub Md Amin, Tim. Pengerusi MAIM telah hadir mewakili YAB Ketua Menteri Melaka bagi melakukan upacara perasmian penutup.

Tiga orang tokoh ilmuwan dan profesional anak negeri Melaka telah dijemput dalam satu sesi pembentangan khas di multaqa ini iaitu Tan Sri Dr Abd Rahman Arshad, Bekas KP Pelajaran Malaysia, Tan Sri Datuk DR Hadenan, Bekas Ketua Audit Negara dan SS Dato' HJ Abdul Halim Tawil, Mufti Negeri Melaka. Turut hadir Pengerusi dan Timbalan

Pengerusi MDN Pasir



BENKEL PERANCANGAN AKTIVITI MDN TAHUN 2018

4-5 DIS 2017: Hotel Putra, Kuala Lumpur

Bengkel ini diadakan untuk merancang aktiviti MDN tahun 2018. Semua JK Dewan, MDN Negeri dan juga Panel-Panel yang telah ditubuhkan oleh MDN telah membentangkan cadangan aktiviti dan juga anggaran perbelanjaan masing-masing untuk dilaksanakan seluruh negara tahun 2018.

Dalam bengkel ini juga MDN telah menjemput pihak MAIWP yang diwakili oleh Ust Mohd Nizam bin Yahya untuk membentangkan peranan dan juga program-program agihan zakat yang telah dilaksanakan oleh MAIWP untuk maluman dan perhatian semua.

